



# TURKIYE OD

9 HARI 7 MALAM

*Batik air*

TOUR CODE: WSS07-OD

# 9H7M TURKIYE OD



Hagia Sofia Grand Mosque



## HOTEL PENGINAPAN 4\* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Ankara	Tourist Hotel	1 Mlm
Cappadocia	Mustafa Hotel	2 Mlm
Pamukkale	Tripolis	1 Mlm
Bursa	Tiara Thermal	1 Mlm
Istanbul	Hotel Golden Way	2 Mlm

## JADUAL PENERBANGAN

*Batik air*

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	OD 723	KUL - SAW	1710	2310
8	OD 724	SAW - KUL	0040	1635

### Shopping Stop

- Carpet Factory
- Cotton Textile Factory Outlet
- Turquoise & Onyx Jewellery
- Leather Shop

PERBEZAAN  
WAKTU

**GMT+3**

Turkish Lira TRY1  
= Ringgit Malaysia  
MYR 0.16

US Dollar USD1  
= Ringgit Malaysia  
MYR 4.70

## HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 7 malam bertaraf 4\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: **Underground City** dan **Ancient Hierapolis City**.
- Tiket kereta kabel **Pierre Loti Hill**.
- Pengangkutan bot persiaran persendirian **Bosphorus Cruise Tour**.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

## HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Tiket masuk ke Topkapi Palace Museum dan lain-lain tiket masuk lawatan yang tidak dinyatakan.
- Aktiviti/lawatan tambahan yang tidak terdapat dalam aturcara program.
- Harga lawatan tambahan (optional tour):
  - Topkapi Palace Museum (Istanbul: USD55 seorang)
  - Hot Air Balloon (Cappadocia: USD320 seorang)
  - Jeep Safari (Cappadocia: USD100 seorang)
  - Turkish Show with drink & Snack (Cappadocia Cave Restaurant: USD60 seorang)
- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.

# 9 HARI 7 MALAM TURKIYE OD

Istanbul - Ankara - Cappadocia - Konya - Pamukkale - Bursa

## HARI 1 MM Kuala Lumpur - Istanbul

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan terus ke Istanbul.

Bermalam di Istanbul.

## HARI 2 SP/MT/MM Istanbul - Ankara


Lawatan di **Istanbul**:

- Membeli-belah barangan kulit di **Leather Shop Outlet** kerana Turki terkenal sebagai antara negara terulung dalam penghasilan kulit.

Lawatan di **Ankara**:

- **Haci Bayram Square**: Dataran yang terkenal di Ankara di mana terletaknya **Haci Bayram Mosque** dan di sebelahnya peninggalan runtunan zaman Rom, **Temple of Augustus**.
- **Ataturk Mausoleum Complex**: Kompleks yang dibina untuk mempamerkan sejarah perjuangan, barangan peribadi dan pemakaman Mustafa Kemal Ataturk.
- **Aslanhane Cami**: Masjid terletak di kawasan lama Ankara bersebelahan Istana Ankara dibina semasa pemerintahan Mesud II dari Anatolian Seljuks pada tahun 1290, masjid ini merupakan salah satu masjid tertua di Turki yang masih tersergam indah.
- Berjalan di sekitar bandar lama Ankara.

Bermalam di Ankara.



Asianhane Cami

## HARI 3 SP/MT/MM Ankara - Cappadocia

- **Salt Lake**: Dikenali sebagai Tasik Tuz adalah tasik kedua terbesar di Turki dengan kawasan permukaan 1,665 km<sup>2</sup> dan salah satu tasik hipersaline (garam) terbesar di dunia.

## HARI 4 SP/MT/MM Cappadocia

Lawatan di **Cappadocia**:

- **Goreme, Pigeon dan Devrent Valleys**: Menikmati pemandangan panorama lembah gunung berbatu yang amat indah di sini dengan formasi batuan yang unik.
- **Uchisar Castle**: Melihat keunikan rumah batu ala The Flintstones yang menjadi penempatan dan kota pertahanan penduduk di sini sejak dari kurun ke-12.
- **Carpet Shop**: Melihat cara pembuatan karpet Turki secara tradisional yang diwarisi sejak ribuan tahun dahulu di Carpet Factory.
- Melawat kilang pembuatan dan galeri pemrosesan batu permata **Turquoise & Onyx Jewellery**.

Bermalam di Cappadocia.

## HARI 5 SP/MT/MM Cappadocia - Konya - Pamukkale

- **Underground City**: Merasai pengalaman unik masuk ke kota bawah tanah di mana pernah satu ketika 15,000 orang tinggal di dalam kota bawah tanah ini bagi mengelak serangan musuh.

Lawatan di **Konya**:

- **Mevlana Museum**: Mempelajari sejarah perkembangan agama Islam di Turki oleh golongan sufi sunni yang terkenal dengan upacara keagamaan Whirling Dervish dan juga koleksi barangan Sultan Uthmaniyyah.
- **Ancient Caravanserai**: Dahulunya hotel bagi para saudagar yang melalui Silk Road dan berusia lebih 700 tahun.

Bermalam di Pamukkale.

## HARI 6 SP/MT/MM

### Pamukkale - Bursa

Lawatan di **Pamukkale**:

- **Ancient Hierapolis City**: Kota lama peninggalan zaman Greek sejak awal kurun ke-2 lagi. Antara bangunan yang masih lagi utuh ialah Frontinus Gate, The Great Baths, Theatre, Temple of Apollo dan Cleopatra's Pool di mana air kolam panasnya masih lagi semulajadi kekal ke hari ini.
- **Cotton Castle**: Teres-teres kolam air panas yang berwarna putih seakan kapas terbentuk secara semulajadi di lereng gunung ini dan peserta boleh berendam kaki di dalam kolam air panas ini.
- Membeli-belah di **Cotton Textile Factory Outlet**.

Bermalam di Bursa.

## HARI 7 SP/MT/MM

### Bursa - Istanbul

Lawatan di **Bursa**:

- **Ulu Camii Mosque**: Masjid berusia lebih 600 tahun yang cukup bersejarah pada zaman Uthmaniyyah dibina pada tahun 1399.



Ulu Camii Mosque

- **Koza Han**: Sebuah pasar lama yang terkenal dengan perdagangan barangan kain sutera sejak dari tahun 1491 sehingga ke hari ini.
- **Cumalikizik Village**: Perkampungan dari zaman Uthmaniyyah, dikenali Cumalikizik bermula pada sekitar tahun 1300 semasa pembentukan Empayar Uthmaniyyah. terletak 10-km ke timur bandar Bursa, di kaki Gunung Uludağ.

Lawatan di **Istanbul**:

- **Spice Bazaar**: Tumpuan utama membeli pelbagai jenis rempah ratus dan makanan tradisi Turki seperti Turkish Delight sejak tahun 1660 lagi.
- **Grand Bazaar**: Merupakan antara pasar yang terbesar dan tertua di dunia dibina bermula pada tahun 1455 lagi dengan sejumlah lebih 4,000 buah kedai.

Bermalam di Istanbul.



Grand Bazar

## HARI 8 SP

### Istanbul

- Menaiki kapal persiaran persendirian **Bosphorus Cruise Tour** menyusuri sepanjang Selat Bosphorus dan melihat beberapa tarikan bersejarah di sepanjang tebing belah Eropah dan Asia seperti **Rumelihisari** yang merupakan kota pertahanan utama dibina sejak tahun 1452 ketika Sultan Al Fatih sedang menakluki Constanstinople, Anadoluhisari iaitu kota pertahanan pertama di lautan ini dibina pada tahun 1393, pejabat pentadbiran Uthmaniyyah dan Turki moden **Dolmabahce Palace** yang dibina pada tahun 1856 oleh Sultan Uthmaniyyah yang ke 31 dan Ortakoy Mosque yang merupakan masjid yang paling terkenal di Selat Bosphorus ini dibina sejak tahun 1854.



Bosphorus Cruise Tour

- Bersolat di **Hagia Sofia Grand Mosque** (tertakluk kepada kebenaran kerajaan Turkiye) yang merupakan sebuah gereja pada kurun ke-5 sebelum ditukar menjadi masjid selepas penaklukan Constantinople. Menjadi muzium semasa zaman Atatürk dan kini ditukar menjadi masjid semula.
- Lawatan ke **Blue Mosque** merupakan ikon kota Istanbul dibina pada tahun 1616 dengan 6 buah menara dan 5 kubah besar.
- **Hippodrome**: Kawasan yang pernah menjadi gelanggang lumba kereta kuda pada zaman Byzantine.
- **Topkapi Palace (First Courtyard)**: Kawasan istana kediaman kesultanan empayar Uthmaniyyah yang menghadap Lautan Marmara siap dibina pada tahun 1465 ketika pemerintahan Sultan Muhammad Al Fatih.
- **Eyup Sultan Mosque**: Masjid tersemadinya makam sahabat Rasulullah SAW iaitu Abu Ayyub Al-Ansari yang syahid pada tahun 674 ketika peperangan menakluki Constantinople.
- Menaiki kereta kabel ke puncak **Pierre Loti Hill** (termasuk tiket) yang menawarkan pemandangan panorama indah teluk Golden Horn.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

## HARI 9

### Istanbul - Kuala Lumpur

Tiba di Kuala Lumpur.